

PELAN ANTIRASUAH ORGANISASI

ORGANISATIONAL ANTI-CORRUPTION PLAN (OACP)

2021 - 2025



MAJLIS DAERAH BATU GAJAH



"Perbuatan menipu, mencuri, menyeludup, pecah amanah, rasuah dan lari daripada membayar cukai, turut memberikan implikasi terhadap individu lain serta rakyat sebuah negara. Malangnya ketika ini, oleh sebab Islam lebih dijadikan pakaian luaran, ramai insan tidak merasa takut melakukan dosa dan tidak berasa gentar untuk menghadapi seksa kubur dan azab neraka."

**Sultan Nazrin Muizzuddin Shah Ibni Al-Marhum Sultan Azlan Muhibbuddin Shah Al-Maghfurlah
Sultan Perak**

Sumber: Petikan Titah Sultan pada Majlis Pengurniaan Watikah Pelantikan Hakim-hakim Syariah Negeri Perak dan Anggota Majlis Agama Islam dan Adat Melayu Perak (MAIPK) di Kompleks Islam Darul Ridzuan 19 Mac 2021

**Hak Cipta Terpelihara
Majlis Daerah Batu Gajah 2021**

Hak cipta terpelihara. Tiada bahagian daripada buku ini boleh diterbitkan semula, disimpan untuk pengeluaran atau ditukarkan ke dalam sebarang bentuk atau dengan sebarang alat juga, sama ada cara elektronik, gambar serta rakaman dan sebagainya tanpa kebenaran bertulis daripada Majlis Daerah Batu Gajah terlebih dahulu.

Diterbitkan Oleh:
Majlis Daerah Batu Gajah
Jalan Haji Abdul Wahab,
31000 Batu Gajah, Perak

Cetakan pertama 2021

Bismillahirrahmanirrahim.

Assalamualaikum W.B.T dan Salam Sejahtera.

Alhamdulillah dipanjatkan kepada Illahi atas nikmat yang berpanjangan ke atas organisasi dan warga kerja Majlis Daerah Batu Gajah. Sebuah dimensi baharu dalam inisiatif pengukuhan tadbir urus organisasi dengan terhasilnya Pelan Anti Rasuah Organisasi Majlis Daerah Batu Gajah (OACP) 2021 – 2025. Warga Majlis Daerah Batu Gajah menyahut saranan Kerajaan Malaysia dalam memastikan negara "Malaysia Negara Bebas Rasuah".

Input penting dalam pelaksanaan Pelan Anti Rasuah Organisasi Majlis Daerah Batu Gajah (OACP) 2021 – 2025 adalah penekanan kepada unsur penerapan etika murni sebagai mekanisme pendedahan secara berterusan kepada warga Majlis Daerah Batu Gajah. Implikasi bagi penyediaan pelan tindakan pastinya akan memperkasakan tadbir urus organisasi dan menambahbaik mutu penyampaian perkhidmatan secara keseluruhan.

Sekian, terima kasih.



MOHAMAD RAZIF BIN RAMLI, AMP.
Yang Dipertua Majlis Daerah Batu Gajah





**PERUTUSAN
YANG DIPERTUA**

Pelan Anti Rasuah Organisasi Majlis Daerah Batu Gajah (OACP) 2021 – 2025

merupakan sebuah pelan tindakan bagi mengurangkan dan mencegah risiko rasuah di dalam pentadbiran Majlis Daerah Batu Gajah. Elemen utama dalam penyediaan plan merangkumi tadbir urus organisasi (*governances*), integriti, dan anti rasuah. Kombinasi 3 elemen ini dikenali di peringkat jabatan bagi membentuk data seterusnya dianalisa mengikut trend dan pola seterusnya membentuk inisiatif-inisiatif pelaksanaan.

Analisa data yang dilaksana berdasarkan kepada isu semasa dan risiko yang berkemungkinan berlaku di dalam organisasi dalam tempoh 4 – 5 tahun akan datang. Justeru, pelan yang dirangka merujuk terus kepada tindakan yang perlu dilaksana oleh organisasi mengikut bidang keutamaan yang memberi peluang wujudnya risiko rasuah.

Empat (4) strategi utama telah dirangka berasaskan empat (4) bidang keutamaan risiko rasuah di Majlis Daerah Batu Gajah, dari jumlah ini 33 inisiatif / pelan tindakan telah terhasil untuk dijadikan indikator sebagai tindakan yang wajar dilaksanakan bagi mencapai visi dan misi yang telah dirangka.



**RINGKASAN
EKSEKUTIF**

KANDUNGAN

PERKARA 1:
PENGENALAN

PERKARA 2:
MEMPERKASA USAHA PE

PERKARA 3:
TADBIR URUS

PERKARA 4:
KESIMPULAN

Perutusan Yang Dipertua
Ringkasan Eksekutif
Kandungan

03

Latar Belakang Organisasi
Fungsi Organisasi
Visi & Misi Organisasi
Dasar Integriti dan Tadbir Urus
Pernyataan Komitmen
Isu dan Cabaran
Mekanisme Penilaian Risiko
Bidang Keutamaan yang Berisiko

ENCEGAHAN RASUAH

21

Kerangka Pelan Anti Rasuah Organisasi Majlis Daerah Batu Gajah
Ringkasan Pelan Anti Rasuah Organisasi Majlis Daerah Batu Gajah
Analisis Kuadran Pelan Tindakan Anti Rasuah Majlis Daerah Batu Gajah
Inisiatif Utama Pelan Tindakan
Strategi Keutamaan

38

Mekanisme Pelaksanaan
Mekanisme Penyelarasan dan Pemantauan

41

Rumusan
Penghargaan
Terma dan Rujukan

PERKARA 1: PENGENALAN

03

Latar Belakang Organisasi
Fungsi Organisasi
Visi & Misi Organisasi
Dasar Integriti dan Tadbir Urus
Pernyataan Komitmen
Isu dan Cabaran
Bidang Keutamaan yang Berisiko

LATAR BELAKANG ORGANISASI

Majlis Daerah Kinta Barat (MDKB) ditubuhkan pada 01 September 1979 di bawah Akta Kerajaan Tempatan 1976 (Akta 171). Pada 26 Mac 2009, MDKB ditukar nama kepada Majlis Daerah Batu Gajah (MDBG). Keluasan kawasan pentadbiran MDBG sehingga Januari 2015 berjumlah lebih kurang 67,470 hektar dengan jumlah penduduk seramai 126,253 orang. Pusat pentadbiran MDBG terletak di Bandar Batu Gajah dan mempunyai 3 buah pejabat cawangan iaitu Pekan Pusing, Pekan Tronoh dan Pekan Tanjung Tualang. Ia bertujuan untuk memudahkan urusan pentadbiran disamping melaksanakan kawalan yang lebih komited ke atas segala aspek pembersihan dan pembangunan bandar.

Sebagai sebuah organisasi yang diletakkan di bawah bidang kuasa Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT), MDBG juga bertanggungjawab di dalam Perancangan dan Pembangunan kawasan pentadbirannya bagi mewujudkan dan melahirkan satu corak kehidupan masyarakat yang sejahtera, berbudaya, dan berilmu demi menuju ke arah alaf akan datang. Kawasan Majlis Daerah Batu Gajah meliputi lima mukim iaitu Sg. Terap, Blanja, Tanjung Tualang dan sebahagian Sg. Raia dan Hulu Kinta. Kawasan pentadbiran utama pula terbahagi kepada 10 zon iaitu Batu Gajah, Lahat, Pusing, Papan, Siputeh, Tronoh, Tanjung Tualang, Sungai Durian, Simpang Pulai dan Kampung Kepayang.

FUNGSI ORGANISASI



05

VISI & MISI ORGANISASI

VISI

Ke arah Majlis Perbandaran yang berdaya huni

MISI

Menyediakan perkhidmatan perbandaran yang berkualiti dan inklusif dalam memastikan kesejahteraan komuniti

DASAR INTEGRITI DAN TADBIR URUS


Dalam menuju ke arah status negara maju dan berpendapatan tinggi, agenda membanteras rasuah telah menjadi keutamaan negara. Oleh yang demikian, beberapa inisiatif utama di peringkat nasional telah dibangunkan.

DASAR INTEGRITI DAN TADBIR URUS

Agenda pambanteras rasuah telah menjadi keutamaan negara dalam menuju ke arah status negara maju dan berpendapatan tinggi. Justeru, bagi mencapai matlamat tersebut beberapa inisiatif utama di peringkat nasional telah dibangunkan.

PELAKSANAAN DASAR INTEGRITI DAN TADBIR URUS

Majlis Daerah Batu Gajah menggunakan Teori Kohlberg dalam membentuk Pelan Antirasuah Organisasi (OACP) MDBG seperti rajah dibawah :



TAHAP 1 : PRA-KONVENSIONAL	TAHAP 2 : KONVENSIONAL	TAHAP 3 : POS-KONVENSIONAL
Peringkat 1 : Orientasi Kepatuhan dan Hukuman	Peringkat 3 : Orientasi Perlakuan Baik	Peringkat 5 : Etika Kontrak Sosial dan Hak Individu
Peringkat 2 : Orientasi Ganjaran Peribadi	Peringkat 4 : Akur Kepada Sistem Sosial dan Etika Peraturan	Peringkat 6 : Etika Prinsip Sejagat

Peringkat 1 : Orientasi Kepatuhan dan Hukuman

Pemikiran moral kanak-kanak lebih berorientasikan egosentrik yang mementingkan diri sendiri. Kanak-kanak mematuhi atau mengikut arahan kerana takutkan hukuman yang akan diterima sekiranya melanggar peraturan.

Peringkat 2 : Orientasi Ganjaran Peribadi

Individu melakukan sesuatu berdasarkan keinginan untuk mendapatkan balasan. Tingkah laku didorong untuk memuaskan kehendak sendiri.

Peringkat 3 : Orientasi Perlakuan Baik

Individu mengaplikasi ukuran moral yang telah ditetapkan oleh pentadbiran.

Peringkat 4 : Akur kepada sistem sosial dan etika peraturan

Perlakuan / Penaakulan moral berdasarkan peraturan, undang-undang dan ketetapan yang telah ditetapkan oleh pentadbiran.

Peringkat 5 : Etika kontrak sosial dan hak individu

Individu berhujah menggunakan nilai, hak dan prinsip. Pemikiran moral dalam tahap ini adalah berkaitan dengan usaha mempertahankan hak-hak asasi, nilai-nilai yang telah dipersejajuti dalam masyarakat.

Peringkat 6 : Etika prinsip sejagat

Pada peringkat ini, individu telah mempunyai kod-kod moral dan etika tersendiri yang menepati hak-hak individu sejagat.

KETUA JABATAN/UNIT MAJLIS DAERAH BATU GAJAH



MOHAMAD RAZIF BIN RAMLI, AMP.
Yang Dipertua



SHAHIRI BIN TAN
Seliausaha



ANDRI ARIF
Ketua Jabatan Perancang Bandar dan Landskap



NUR MARLIA BINTI SURATMAN
Ketua Jabatan Perbendaharaan



ARLIANY SYAZLIN BINTI ARASAD
Ketua Jabatan Kejuruteraan



NAHIRUL NAZELI BIN ISMAIL
Ketua Unit Pusat Seheni (OSC)



MAKHLIS BIN OTHMAN
Ketua Jabatan Khidmat Pengurusan



MOHD FAIZAL BIN AZIZI
*Ketua Jabatan Kesihatan Awam dan
Perkhidmatan Perbandaran*



AZIM BIN MOHD LAYANI
Ketua Jabatan Penilaian dan Pengurusan Harta



MOHAMAD SHAH RIDLA BIN MOHD ISMET
Ketua Unit Korporat dan Perhubungan Awam



NURUL SOFIA BINTI MOHD LASIM
Ketua Jabatan Pengurusan



ASMAWATI BINTI ALIAS
Ketua Unit Audit Dalam



ZAILAYATI BINTI LOT
Ketua Unit Undang-Undang

Kami, warga Majlis Daerah Batu Gajah menyokong penuh visi dan misi yang terkandung didalam Pelan Anti Rasuah Majlis Daerah Batu Gajah 2021 – 2025.

Kami beriltizam untuk melaksana pelan tindakan yang telah dirangka.

Kami komited dan berusaha membudayakan etika kerja yang cemerlang selaras dengan pelan tindakan yang telah dirangka.

Kami menolak sepenuhnya penerimaan rasuah dan tindakan yang tidak berintegriti selagi mana kami berkhidmat.

Kami berpegang teguh kepada nilai dan tanggungjawab sebagai warga perkhidmatan awam yang memberikan sepenuh setia kepada Raja, bangsa dan negara.

PENYATAAN KOMITMEN

WARGA MAJLIS DAERAH BATU GAJAH

ISU DAN CABARAN

Ekspektasi pelanggan dalam penyampaian perkhidmatan yang cekap dan berkualiti merupakan satu sasaran yang perlu dicapai oleh Majlis Daerah Batu Gajah. Merujuk kepada trend jumlah aduan yang melibatkan penguatkuasaan dan perkhidmatan yang kian meningkat, perlu wujudnya sebuah sistem yang membolehkan sumber manusia sedia ada berinteraksi dengan proses kerja secara seimbang. Proses kerja yang sempurna memerlukan penghayatan dan pelaksanaan yang sempurna agar ia kekal dinamik.

Tekanan ekonomi dan sosial turut menyumbang kepada berlakunya kes pelanggaran integriti dan rasuah di kalangan pegawai. Keinginan secara semula jadi bagi mendapatkan kehidupan yang selesa dalam tempoh singkat juga membuka ruang kepada kesalahan rasuah. Penerapan etika murni dalam organisasi untuk diamalkan oleh pegawai memerlukan perancangan yang sempurna. Penerapan dan pembudayaan sesebuah amalan baik memerlukan tempoh masa untuk dilaksanakan.

Kesimpulannya, Majlis Daerah Batu Gajah adalah sebuah organisasi yang berisiko tinggi terdedah kepada kes pelanggaran integriti dan rasuah. Oleh itu, inisiatif – inisiatif pembetulan dan pencegahan perlu dilaksana dengan efektif bagi membolehkan kelangsungan organisasi serta memperkasa keupayaan pegawai dalam membanteras gejala rasuah.

1. ANALISA PERSEKITARAN
2. ADUAN AWAM
3. PERATURAN PENCAPAIAN MURNINET
4. SUMBER MANUSIA
 - 4.1 KES TATATERTIB
 - 4.2 KADAR KEBERHUTANGAN SERIUS
 - 4.3 PELANGGARAN TATACARA KEWANGAN
5. MAKLUMBALAS KEPUASAN PEGAWAI
6. MAKLUMBALAS KEPUASAN PELANGGAN
7. SESI PERCAMBAHAN INPUT BERSAMA KETUA JABATAN / UNIT / BAHAGIAN
8. PERANCANGAN SENARIO
9. LAPORAN AUDIT DALAM

MEKANISME PENILAIAN RISIKO

Mekanisme penilaian risiko mengambil kira Sembilan (9) elemen dengan kombinasi persekitaran dalaman dan luaran organisasi. Kajian merangkumi persepsi individu serta *stakeholders* yang mempunyai hubungkait dengan persekitaran organisasi.

1. ANALISA PERSEKITARAN

ANALISA POLITIK PESTEL

(POLITICAL, ECONOMIC, SOCIAL, TECHNOLOGICAL, ENVIRONMENTAL, LEGAL)

POLITIK (P)

Naturalisasi dalam penerimaan sebarang bentuk perubahan luaran dan dalaman dalam masa yang singkat untuk diadaptasi dalam pengurusan organisasi merupakan sebuah cabaran yang perlu dilaksanakan agar keperluan pihak-pihak berkepentingan dan penyampaian organisasi secara keseluruhan dalam keadaan yang dinamik.

EKONOMI (E)

Kedudukan yang strategik menjadi input utama dalam merangka pelan pembangunan yang membolehkan limpahan ekonomi secara menyeluruh dan memberi implikasi positif terhadap perkembangan ekonomi komuniti di dalam kawasan pentadbiran. Jaringan kerjasama yang menyeluruh bersama stakeholder wajar dipertingkatkan dalam usaha merangka pembangunan seterusnya mewujudkan peluang dan ruang yang lebih terbuka kepada pihak berkepentingan dalam usaha penjana ekonomi bandar.

SOSIAL (S)

Penglibatan penduduk di dalam setiap aktiviti serta program rasmi menunjukkan peningkatan tahap keterbukaan terhadap organisasi. Ekspektasi yang semakin meningkat juga mendorong peningkatan kepada peningkatan daya saing organisasi, tetapi juga menyediakan satu persekitaran yang sihat untuk meningkatkan daya saing sektor ekonomi dan kesejahteraan penduduk di dalam kawasan pentadbiran.

TEKNOLOGI (T)

Era globalisasi dan peningkatan tahap pendedahan secara keseluruhan dalaman mahupun luaran organisasi menjadikan perkembangan teknologi ke tahap infiniti. Kemudahan yang diberikan perlu bersifat leading-edge dalam memastikan keperluan luaran dan dalaman dapat dipenuhi. Objektif utama pembangunan sesebuah aplikasi perlu merangkumi elemen yang menjimatkan kos operasi, pengurangan penggunaan sumber manusia dan menjimatkan masa tindakan agar implikasi yang berterusan diperolehi.

PERSEKITARAN (E)


Pembangunan mampan adalah "pembangunan yang dapat memenuhi keperluan semasa tanpa menjejaskan peluang generasi akan datang untuk memenuhi kehendak mereka" (Laporan Brundtland). Pembangunan mampan mengambilkira elemen-elemen ekonomi dan sosial sebagai sub komponen kepada persekitaran pembangunan mampan. Secara ringkasnya, masyarakat bergantung kepada kesejahteraan ekonomi; begitu juga sebaliknya, di mana masyarakat dan ekonomi juga bergantung kepada kesejahteraan alam sekitar.

UNDANG - UNDANG (L)

Mewujudkan persekitaran dan kawal selia yang baik dalam melaksana dan menyediakan peraturan perlu untuk memastikan sistem kerja dan penguatkuasaan berkesan. Meningkatkan ketelusan, kesaksamaan dan akauntabiliti menjadi kunci utama terhadap kejayaan sesebuah peraturan atau dasar yang dirangka.

- i. Organisasi perlu melaksanakan transformasi dan tidak terhad kepada melaksanakan perkhidmatan teras semata-mata. Mendaya upaya anggota komuniti supaya mempunyai rasa kepunyaan, prihatin terhadap harta benda, ruang dan fasiliti yang dikongsi bersama serta rasa tanggungjawab terhadap komuniti dan kawasan tempat tinggal merupakan elemen yang perlu diperhalusi.
- ii. Kemampanan persekitaran, serta kemampanan sosial dan ekonomi, membawa maksud bahawa bekalan sumber yang kritikal (biodiversiti) dan proses-proses ekologi perlu dilindungi. Objektif utama perancangan guna tanah adalah untuk menyumbang ke arah pencapaian pembangunan mampan. Sebahagian besar aktiviti pembangunan dijalankan di atas tanah, di mana bagi sebidang tanah yang sama, akan berlaku banyak persaingan untuk kegunaan yang berbeza.
- iii. Mewujudkan suasana kawal seliaan yang baik ke arah membangunkan sebuah ekonomi yang dapat menari pelaburan dan memudahkan pemiagaan. Pengawal selia yang berkesan ini selari dengan aspirasi organisasi untuk menjana peluang ekonomi yang berpendapatan tinggi dan berdaya saing berdasarkan pembangunan dan pertumbuhan yang inklusif.


2. ADUAN AWAM



TAHUN	KESIHATAN, ALAM SEKITAR DAN PENGUATKUASAAN	KEMUDAHAN AWAM	PEMBANGUNAN	PERKHIDMATAN	LAIN-LAIN	TEKNOLOGI MAKLUMAT	JUMLAH
2016	63	40	1	86	2	-	192
2017	133	132	5	131	4	-	405
2018	99	105	4	152	8	-	368
2019	168	102	13	125	15	5	428
2020	282	230	17	242	15	16	802

SUMBER : SISTEM e-PBT DAN SISTEM PENGURUSAN ADUAN AWAM (SISPAA)

3. PERATURAN PENCAPAIAN MURNINETS



Latar Belakang MURNInets

MURNInets merupakan singkatan kepada Malaysia Urban Indicators Network sebagai Jaringan Penunjuk Pembangunan Mampan Bandar-Luar Bandar Malaysia (Malaysian Urban-Rural National Indicators Network for Sustainable Development).

Melibatkan 11 sektor utama yang merangkumi 56 penunjuk kemampuan bandar dan kemudiannya telah diubah seiring dengan keperluan dasar-dasar Negara berdasarkan pelaksanaannya sehinggalah pada tahun 2010, penunjuk yang digunakan ketika itu telah dikurangkan kepada 40 penunjuk.

Bermula tahun 2012 hingga tahun 2016, MURNInets telah digunakan sebagai alat pengukur kemampuan bandar-bandar di Malaysia bukan hanya di peringkat jabatan malah di peringkat Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) serta digunakan oleh Kementerian lain yang berkaitan.

Latar Belakang MURNInets 2.0

PLANMalaysia telah menjalankan kajian penambahbaikan MURNInets yang dikenali kini sebagai MURNInets 2.0 pada tahun 2017. MURNInets 2.0 merangkumi 6 dimensi, 22 tema dan 43 penunjuk.

Melibatkan 27 penunjuk untuk tindakan penyediaan data oleh Pusat Operasi MURNInets PBT (POM PBT) dan 16 penunjuk adalah untuk tindakan oleh Pusat Operasi MURNInets Negeri (POMN)/ PLANMalaysia@Negeri.

Kajian penambahbaikan ini juga selaras dengan perubahan dasar-dasar utama negara (RMKe-11, RFN Ke-3 dan DPN2) ketika ini dan penggunaan pelbagai penunjuk kemampuan bandar di peringkat antarabangsa maka wujudnya keperluan untuk menjalankan kajian penambahbaikan dan pengukuhan MURNInets agar ia kekal relevan untuk digunakan.

4. SUMBER MANUSIA

4.1 Kes Tataterlib



SUMBER : JABATAN KHIDMAT PENGURUSAN, MAJLIS DAERAH BATU GAJAH

4.2 Kadar Keberhutangan Serius



4.3 Pelanggaran Tatacara Kewangan


Pelanggaran tatacara kewangan berdasarkan mesyuarat :

JPKA : Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Kewangan dan Akaun

JKPAK : Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Asef Kerajaan


SUMBER : JABATAN PERBENDAHARAAN, MAJLIS DAERAH BATU GAJAH

5. MAKLUMBALAS KEPUASAN PEGAWAI




TAHUN	JUMLAH ANGGOTA	BILANGAN PENGISIAN SOAL SELIDIK	PERATUSAN PENCAPAIAN
2016	225	75	34 %
2017	226	130	58 %
2018	218	158	73 %
2019	213	181	85 %
2020	210	134	64 %

6. MAKLUMBALAS KEPUASAN PELANGGAN



Peratusan pencapaian merujuk kepada *key performance indicator* (KPI) sebanyak 85% bagi jumlah minimum yang ditetapkan. Penilaian merangkumi skop perkhidmatan teras Majlis Daerah Batu Gajah.

7. SESI PERCAMBAHAN INPUT BERSAMA KETUA JABATAN/UNIT/BAHAGIAN



Senarai input yang digunakan sebagai mekanisme penilaian risiko turut mengambil kira tiga (3) skop utama dalam penyediaan Pelan Anti Rasuah Majlis Daerah Batu Gajah. Governance merujuk kepada pentadbiran termasuk pengurusan sedia ada Majlis Daerah Batu Gajah. Integriti (I) merujuk kepada ketidaktepatan proses dan prosedur Jabatan / Unit / Bahagian dan Antirasuah (A) merujuk kepada risiko sedia ada di dalam jabatan. Input yang diterima dan telah dibincangkan membentuk keputusan yang kolektif dan menjadi asas kepada pelan tindakan yang dirangka.

8. PERANCANGAN SENARIO

Pelan Antirasuah Nasional 2019 – 2023 'Memecah Rantaian Rasuah' merupakan asas komitmen Majlis Daerah Batu Gajah (MDBG) untuk mencapai aspirasi agar Majlis dapat memastikan pegawai dan kakitangan MDBG bebas rasuah. Komitmen MDBG telah direalisasikan dengan Ikrar Bebas Rasuah (IBR) MDBG yang telah memberi penekanan kepada ikrar dan aku janji yang dibuat oleh para kepimpinan MDBG dan warganya secara sukarela. Ikrar dan aku janji tersebut adalah berdasarkan kapasiti individu untuk memastikan bahawa setiap individu yang menandatangani ikrar tersebut akan lebih bertanggungjawab dalam melaksanakan tugas mereka serta menjauhkan diri daripada sebarang perlakuan rasuah selama mereka memegang jawatan.

Dengan mengkaji trend senario rasuah dalam Majlis, ia membolehkan beberapa perkara dikenalpasti terutamanya kemungkinan-kemungkinan berlakunya perlakuan rasuah pada masa akan datang. Antara kepentingan perancangan senario adalah:

01

Sebagai mekanisme mengenal pasti peluang-peluang dan ancaman yang melangkaui batasan dan model-model jangka masa lampau.

02

Sebagai salah satu instrumen pengurusan risiko yang penting.

03

Sebagai indikator amaran terhadap keputusan-keputusan yang dibuat dalam pelbagai risiko yang menjadi alat penilaian untuk menggariskan strategi-strategi intervensi.

Asas-asas dalam membangunkan Pelan Antirasuah Organisasi MDBG 2021-2025 adalah merujuk kepada 4 senario utama yang telah ditetapkan di peringkat nasional yang meliputi senario kesinambungan, kekangan, perkembangan dan senario merudum seperti berikut:

SENARIO KESINAMBIANGAN (CONTINUATION)

Masa hadapan yang mempamerkan kejayaan yang dikecapi melalui kewujudan Pelan Antirasuah tetapi tidak berupaya untuk bertahan atau tidak mapan.

1

SENARIO KEKANGAN (LIMITS AND DISCIPLINE)

Masa hadapan yang merujuk kepada visi yang digariskan dalam Pelan Antirasuah tidak dapat dicapai ekoran kekangan dalaman dan persekitaran.

2

SENARIO PERKEMBANGAN (GROWTH)

Masa hadapan di mana hasil kewujudan Pelan Antirasuah telah menyebabkan anjakan menuju fasa sebuah negara yang beretika dengan mendokong integriti yang tinggi dan berteraskan nilai.

3

SENARIO MERUDUM (DECLINE AND COLLAPSE)

Rasuah menjadi kelaziman dalam masyarakat sekali gus memperlihatkan sistem sosial runtuh sama sekali tanpa sebarang jalan penyelesaian.

4

9. LAPORAN AUDIT DALAM



GOVERNANS

"Tadbir urus merangkumi aspek-aspek seperti tatacara Ketua Eksekutif/Ketua Jabatan dan para pegawai disemua peringkat pengurusan melaksanakan tanggungjawab secara telus dan berhemah dari segi pengambilan dan penyampaian hasil, struktur termasuk budaya kerja, dasar, strategi serta tatacara mereka berurusan dengan pelbagai pihak yang berkepentingan (stakeholders) dan proses dimana agensi awam diurus/diarah, dikawal dan dipertanggungjawabkan untuk melaksanakan objektif yang telah dipersetujui".

(Tan Sri Mohd. Sidek Hj. Hassan, 2007)

INTEGRITI

"Perihal sifat individu dan organisasi yang sempurna, berteraskan nilai murni seperti jujur, benar, amanah, adil, bertanggungjawab, telus, cekap dan bijaksana."

(Institut Integriti Malaysia)

"Suatu tahap, keadaan atau sifat yang sempurna dan tiada cacat cela, tidak ada rasuah, salah guna kuasa atau penyelewengan, tiada rungutan dan aduan atau ketidakpuasan hati pelanggan ke atas perkhidmatan yang diberi. Integriti adalah asas kepada sebuah tadbir urus yang baik"

(Tan Sri Mohd. Sidek Hj. Hassan, 2006)

RASUAH

"Penyalahgunaan kepercayaan awam untuk mendapatkan keuntungan peribadi"

(Transparency International, 2010)

4 kesalahan utama:

- Meminta/Menerima rasuah
- Menawar/Memberi rasuah
- Membuat tuntutan palsu
- Salahguna kedudukan/jawatan oleh pegawai awam

(Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009)

BIDANG KEUTAMAAN YANG BERISIKO

BIDANG KEUTAMAAN 1

PENGUATKUASAAN UNDANG-UNDANG

BIDANG KEUTAMAAN 2
KEWANGAN

BIDANG KEUTAMAAN 3
TADBIR URUS

BIDANG KEUTAMAAN 4
PERKHIDMATAN



PERKARA 2:

MEMPERKASA USAHA PENCEGAHAN

HAN RASUAH

Kerangka Pelan Anti Rasuah Organisasi Majlis Daerah Batu Gajah
Organisational Anti-Corruption Plan (OACP)

Perancangan Senario

33 Inisiatif Utama, 64 Inisiatif, 4 Strategi, 4 Bidang Keutamaan, 5 Objektif Strategi,
30 Inisiatif Jangka Pendek (1-2 Tahun), 3 Inisiatif Jangka Panjang (3-5 Tahun)

Analisis Kuadran Pelan Tindakan Anti Rasuah Majlis Daerah Batu Gajah

Inisiatif Utama Pelan Tindakan

Keutamaan Strategi

KERANGKA **PELAN ANTI RASUAH ORGANISASI** **MAJLIS DAERAH BATU GAJAH**

Membentuk Warga Kerja
Majlis Daerah Batu Gajah
Yang Berintegriti

VISI

MISI

Penguatan
penguatkuasaan
undang-undang

Meningkatkan
kecekapan tadbir urus
organisasi

Menyediakan
penyampaian
perkhidmatan yang
efisyen dan berintegriti

Akauntabiliti dan profesionalisme dalam menguatkuasakan undang-undang

Kecekapan dan keberkesanan dalam penyampaian perkhidmatan

Pembudayaan integriti dalam perkhidmatan

MATLAMAT

BIDANG KEUTAMAAN

Penguatkuasaan Undang-undang

Kewangan

Tadbir Urus

Perkhidmatan

STRATEGI

Menginstitusikan kredibiliti penguatkuasaan undang-undang

Memperkasa pengurusan kewangan

Pengukuhan tadbir urus

Mendaya upaya penyampaian perkhidmatan

RINGKASAN

PELAN ANTIRASUAH ORGANISASI MAJLIS DAERAH BATU GAJAH

25

Inisiatif

33

64

4

Inisiatif Utama

Strategi

Bidang
Keutamaan

Inisiatif Jangka
Pendek (1-2 tahun)

4

5

30


3

Objektif
Strategi


Inisiatif Jangka
Panjang (3-5 tahun)

ANALISIS KUADRAN

Analisis kuadran yang telah disediakan menggambarkan keutamaan bagi 33 inisiatif yang telah dikenal pasti berdasarkan analisis kumpulan data yang telah diperolehi daripada pelbagai sumber merangkumi bidang keutamaan Majlis Daerah Batu Gajah. Sebanyak 33 inisiatif ini ditentukan berdasarkan tahap impak dan kompleksiti pelaksanaannya. 29 inisiatif berada dalam kuadran A di mana memerlukan sedikit usaha dalam pelaksanaannya namun memberi impak besar kepada penambahbaikan yang dilaksana. 4 inisiatif pula berada dalam kelompok kuadran B di mana memerlukan usaha yang lebih gigih untuk dicapai.



27



- STRATEGI 01** Menginstitusikan Kredibiliti Pegawai Penguatkuasaan Undang-Undang
- STRATEGI 02** Memperkasa Pengurusan Kewangan
- STRATEGI 03** Pengukuhan Tadbir Urus
- STRATEGI 04** Mendaya Upaya Penyampaian Perkhidmatan

KOMPLEKSITI

: kesukaran dan kerumitan dalam melaksana sesuatu inisiatif

IMPAK

: kesan atau hasil positif yang dapat dicapai melalui pelaksanaan sesuatu inisiatif

33 INISIATIF UTAMA PELAN TINDAKAN

BIL.	INISIATIF	KUADRAN	STRATEGI
1.	Penerapan kompetensi <i>functional</i> dan program peningkatan kecekapan pegawai berdasarkan skop perundangan.	A	1
2.	Penambahbaikan format borang pelaporan lawat tapak yang berstruktur.	A	
3.	Penerapan kompetensi <i>functional</i> kepada pegawai penguatkuasaan secara konsisten dalam skop penyediaan kertas siasatan.	A	
4.	Advokasi awam menerusi libat urus bersama komuniti dalam pemakluman dasar semasa.	A	
5.	Penerapan kompetensi generik pegawai terlibat dengan skop tadbir urus, integriti dan anti-rasuah.	A	
6.	<i>Task force</i> diwujudkan melibatkan jabatan yang terlibat bagi melaksana pemeriksaan mengejut dan pemantauan.	A	
7.	Jadual pusingan kerja bagi pegawai di penempatan sensitif dalaman jabatan diwajibkan secara berkala.	A	
8.	Menyediakan mekanisme bagi mengkaji, memantau, dan menambahbaik perjanjian syarat pelaksanaan kerja pembekal / kontraktor.	B	2
9.	Membangunkan prosedur operasi standard sebagai mekanisme pencegahan campur tangan pihak ketiga.	A	
10.	Pelaksanaan <i>Integrity Pact</i> dan pendedahan kepada Akta Rahsia Rasmi kepada pegawai yang terlibat.	A	
11.	Memaksimumkan penggunaan sistem dalam pengoperasian penugasan melibatkan skop kewangan.	B	
12.	Pengenalpastian jawatan dan penempatan pegawai yang berisiko bagi tindakan penstrukturan semula.	A	
13.	Mengenalpasti pegawai berisiko dan pelaksanaan program peningkatan modal insan.	A	
14.	Penerapan kompetensi generik dan <i>functional</i> pegawai terlibat dengan skop pengurusan kewangan.	A	
15.	Penambahbaikan dokumentasi dan mekanisme pelaporan dalam skop pengurusan kewangan.	A	
16.	Jadual perancangan perbelanjaan organisasi diwujudkan sebagai elemen pemantauan secara konsisten.	A	
17.	Penetapan dasar bagi mewajibkan setiap Ketua Jabatan melaporkan salah laku pegawai sebagai tindakan punitif.	A	

BIL.	INISIATIF	KUADRAN	STRATEGI	
18.	Penerapan kompetensi generik dan <i>functional</i> pegawai terlibat mengenai Arahan Keselamatan.	A	3	
19.	Pembudayaan amalan kepimpinan melalui teladan menerusi pembangunan modul kepimpinan organisasi.	A		
20.	Penyediaan <i>code of conduct</i> sebagai mekanisme rujukan dan pematuhan pegawai.	A		
21.	<i>Key Performance Indicator</i> (KPI) setiap pegawai ditambahbaik dengan pemantauan secara khusus dan konsisten.	A		
22.	Kriteria pengambilan pegawai disediakan dengan jelas dari segi kelayakan selain merujuk kepada kebolehan dan <i>multitasking</i> .	A		
23.	Libat urus bersama agensi penguasa pencegahan rasuah seperti SPRM & IIM bagi tindakan penambahbaikan yang berterusan.	B		
24.	Penerapan kompetensi <i>functional</i> pegawai terlibat dalam skop pengurusan aset alih secara konsisten.	A		
25.	Semakan dan kajian semula prosedur operasi standard dan dasar semasa yang berkuatkuasa secara konsisten.	A		
26.	Tindakan tatatertib diambil terhadap pegawai yang melanggar peraturan yang berkuatkuasa.	A		
27.	Membangunkan dasar penerimaan hadiah berdasarkan pekeliling yang berkuatkuasa.	A		
28.	Penambahbaikan prosedur kerja semasa dengan elemen semakan dan pemantauan jumlah potongan gaji pegawai secara konsisten.	A		
29.	Program pemantapan modal insan dilaksana secara menyeluruh.	B		
30.	Penerapan kompetensi generik pegawai diberikan dalam skop pengurusan kewangan peribadi.	A		
31.	Penambahbaikan dalam prosedur operasi standard pengurusan aduan awam.	A		4
32.	Penerapan kompetensi generik dan <i>functional</i> pegawai terlibat dengan skop pengurusan aduan awam.	A		
33.	Libat urus bersama syarikat konsesi menerusi <i>platform</i> rasmi.	A		

BIDANG KEUTAMAAN 1 : PENGUATKUASAAN UNDANG-UNDANG

STRATEGI 1 : MENGINSTITUSIKAN KREDIBILITI PEGAWAI PENGUATKUASAAN UNDANG-UNDANG

OBJEKTIF STRATEGIK 1.1

MENINGKATKAN KOMPETENSI DAN PROFESIONALISME PEGAWAI PENGUAT KUASAAN

BIL.	RISIKO	INISIATIF	PELAKSANA	TEMPOH MASA PELAKSANAAN
1.	Kegagalan kawal selia pembangunan tanpa kebenaran	Penerapan kompetensi <i>functional</i> dan program peningkatan kecekapan pegawai berdasarkan skop perundangan	Jabatan Khidmat Pengurusan	2 Tahun (2021 – 2022)
		Penambahbaikan format borang pelaporan lawat tapak yang berstruktur.	Jabatan Khidmat Pengurusan	2 Tahun (2021 – 2022)
		Penerapan kompetensi <i>functional</i> kepada pegawai penguatkuasaan secara konsisten dalam skop penyediaan kertas siasatan	Jabatan Khidmat Pengurusan	2 Tahun (2021 – 2022)
		Advokasi awam menerusi libat urus bersama komuniti dalam pemakluman dasar semasa	Unit Korporat dan Perhubungan Awam	2 Tahun (2021 – 2022)
2.	Penyalahgunaan kuasa dalam menjalankan tugas	Penerapan kompetensi generik pegawai terlibat dengan skop tadbir urus, integriti dan anti-rasuah	Jabatan Khidmat Pengurusan	2 Tahun (2021 – 2022)
		<i>Task force</i> diwujudkan melibatkan jabatan yang terlibat bagi melaksana pemeriksaan mengejut dan pemantauan	Jabatan Penguatkuasaan	2 Tahun (2021 – 2022)
		Jadual pusingan kerja bagi pegawai di penempatan sensitif dalaman jabatan diwajibkan secara berkala	Jabatan Khidmat Pengurusan	2 Tahun (2021 – 2022)

BIDANG KEUTAMAAN 2 : KEWANGAN

STRATEGI 2 : MEMPERKASA PENGURUSAN KEWANGAN

OBJEKTIF STRATEGIK 2.1

PENAMBAHBAIKAN PENGURUSAN PEROLEHAN AWAM

BIL.	RISIKO	INISIATIF	PELAKSANA	TEMPOH MASA PELAKSANAAN
1.	Kualiti kerja syarikat pembekal / kontraktor yang kurang memuaskan	Menyediakan mekanisme bagi mengkaji, memantau, dan menambahbaik perjanjian syarat pelaksanaan kerja pembekal / kontraktor	Unit Audit Dalam / Unit Integriti	3 Tahun (2021 – 2023)
		Membangunkan prosedur operasi standard sebagai mekanisme pencegahan campurtangan pihak ketiga	Jabatan Khidmat Pengurusan	2 Tahun (2021 – 2022)
		Pelaksanaan <i>Integrity Pact</i> dan pendedahan kepada Akta Rahsia Rasmi kepada pegawai yang terlibat	Jabatan Khidmat Pengurusan	2 Tahun (2021 – 2022)

OBJEKTIF STRATEGIK 2.2**MENINGKATKAN KETELUSAN DALAM PENGURUSAN KEWANGAN**

BIL.	RISIKO	INISIATIF	PELAKSANA	TEMPOH MASA PELAKSANAAN
1.	Penipuan dan pemalsuan dokumentasi melibatkan tuntutan pegawai atau jabatan	Memaksimumkan penggunaan sistem dalam pengoperasian penugasan melibatkan skop kewangan	Jabatan Khidmat Pengurusan (Teknologi Maklumat)	3 Tahun (2021 – 2023)
		Pengenalpastian jawatan dan penempatan pegawai yang berisiko bagi tindakan penstrukturan semula	Jabatan Khidmat Pengurusan	2 Tahun (2021 – 2022)
		Mengenalpasti pegawai berisiko dan pelaksanaan program peningkatan modal insan	Jabatan Khidmat Pengurusan	2 Tahun (2021 – 2022)
		Penerapan kompetensi generik dan <i>functional</i> pegawai terlibat dengan skop pengurusan kewangan	Jabatan Khidmat Pengurusan	2 Tahun (2021 – 2022)
		Penambahbaikan dokumentasi dan mekanisme pelaporan dalam skop pengurusan kewangan	Jabatan Perbendaharaan	2 Tahun (2021 – 2022)
		Jadual perancangan perbelanjaan organisasi diwujudkan sebagai elemen pemantauan secara konsisten	Jabatan Perbendaharaan	2 Tahun (2021 – 2022)
		Penetapan dasar bagi mewajibkan setiap Ketua Jabatan melaporkan salah laku pegawai sebagai tindakan punitif	Jabatan Khidmat Pengurusan	2 Tahun (2021 – 2022)

BIDANG KEUTAMAAN 3 : TADBIR URUS

STRATEGI 3 : PENGUKUHAN TADBIR URUS

OBJEKTIF STRATEGIK 3.1 PENERAPAN ETIKA DAN INTEGRITI

BIL.	RISIKO	INISIATIF	PELAKSANA	TEMPOH MASA PELAKSANAAN
1.	Tatakelakuan pegawai yang menjurus kepada pelanggaran integriti dan rasuah	Penerapan kompetensi generik dan <i>functional</i> pegawai terlibat mengenai Arahan Keselamatan	Jabatan Khidmat Pengurusan	2 Tahun (2021 – 2022)
		Pembudayaan amalan kepimpinan melalui tauladan menerusi pembangunan modul kepimpinan organisasi	Jabatan Khidmat Pengurusan	2 Tahun (2021 – 2022)
		Penyediaan <i>code of conduct</i> sebagai mekanisme rujukan dan pematuhan pegawai	Jabatan Khidmat Pengurusan	2 Tahun (2021 – 2022)
		<i>Key Performance Indicator</i> (KPI) setiap pegawai ditambah baik dengan pemantauan secara khusus dan konsisten	Jabatan Khidmat Pengurusan	2 Tahun (2021 – 2022)
		Kriteria pengambilan pegawai disediakan dengan jelas dari segi kelayakan selain merujuk kepada kebolehan dan <i>multitasking</i> .	Jabatan Khidmat Pengurusan	2 Tahun (2021 – 2022)
		Libat urus bersama agensi penguasa pencegahan rasuah seperti SPRM & IIM bagi tindakan penambahbaikan yang berterusan	Unit Integriti	3 Tahun (2021 – 2023)
2.	Kelemahan pengurusan aset alih	Penerapan kompetensi <i>functional</i> pegawai terlibat dalam skop pengurusan aset alih secara konsisten	Jabatan Khidmat Pengurusan	2 Tahun (2021 – 2022)
		Semakan dan kajian semula prosedur operasi standard dan dasar semasa yang berkuatkuasa secara konsisten	Jabatan Perbendaharaan	2 Tahun (2021 – 2022)
		Tindakan tatatertib diambil terhadap pegawai yang melanggar peraturan yang berkuatkuasa	Jabatan Khidmat Pengurusan	2 Tahun (2021 – 2022)

**OBJEKTIF STRATEGIK 3.1
PENERAPAN ETIKA DAN INTEGRITI**

BIL.	RISIKO	INISIATIF	PELAKSANA	TEMPOH MASA PELAKSANAAN
3.	Penerimaan barang/hadiah/wang dalam urusan yang melibatkan syarikat pembekal atau kontraktor	Membangunkan dasar penerimaan hadiah berdasarkan pekeliling yang berkuatkuasa	Jabatan Khidmat Pengurusan	2 Tahun (2021 – 2022)
4.	Keterhutangan yang serius dalam kalangan pegawai	Penambahbaikan prosedur kerja semasa dengan elemen semakan dan pemantauan jumlah potongan gaji pegawai secara konsisten	Jabatan Perbendaharaan	2 Tahun (2021 – 2022)
		Program pemantapan modal insan dilaksana secara menyeluruh	Jabatan Khidmat Pengurusan	3 Tahun (2021 – 2023)
		Penerapan kompetensi generik pegawai diberikan dalam skop pengurusan kewangan peribadi	Jabatan Khidmat Pengurusan	2 Tahun (2021 – 2022)

BIDANG KEUTAMAAN 4 : PERKHIDMATAN

STRATEGI 4 : MENDAYA UPAYA PENYAMPAIAN PERKHIDMATAN

OBJEKTIF STRATEGIK 4.1 PENYAMPAIAN PERKHIDMATAN BERKESAN

BIL.	RISIKO	INISIATIF	PELAKSANA	TEPOH MASA PELAKSANAAN
1.	Peningkatan secara konsisten jumlah terimaan aduan yang melibatkan perkhidmatan perbandaran	Penambahbaikan dalam porsedur operasi standard pengurusan aduan awam	Unit Korporat dan Perhubungan Awam	2 Tahun (2021 – 2022)
		Penerapan kompetensi generik dan <i>functional</i> pegawai terlibat dengan skop pengurusan aduan awam	Jabatan Khidmat Pengurusan	2 Tahun (2021 – 2022)
		Libat urus bersama syarikat konsesi menerusi platform rasmi	Unit Korporat dan Perhubungan Awam	2 Tahun (2021 – 2022)

STRATEGI KEUTAMAAN

STRATEGI 1

MENGINSTITUSIKAN KREDIBILITI PEGAWAI PENGUATKUASAAN UNDANG-UNDANG

Perkembangan pembangunan dalam kawasan pentadiran yang kian pesat memerlukan pemantauan yang serius terutama dalam inisiatif peningkatan hasil organisasi. Kegagalan pemantauan yang dijangka wujud akan menyekat perkembangan pembangunan secara keseluruhan. Aspek pemantauan dan integriti pegawai yang terlibat menjadi indikator utama bagi pelan yang dirangka mencapai objektif yang ditetapkan.

STRATEGI 2

MEMPERKASA PENGURUSAN KEWANGAN

Kawalan dalaman dan tindakan pengesanan awal penting dalam memastikan pengurusan kewangan yang berkesan. *Outcome* yang diperolehi dari wang kerajaan yang telah dibelanjakan wajar mendapat pulangan yang sepatutnya menerusi kualiti produk atau perkhidmatan. Justeru pelan tindakan yang dirangka menilai mekanisme pembetulan bagi setiap perbelanjaan. Selain itu, kecekapan dan ketelusan pegawai yang melaksana tugas akan dipertingkatkan selaras dengan penambahbaikan sistem gerak kerja yang dirangka.

STRATEGI 3

PENGUKUHAN TADBIR URUS

Pemantapan serta pembudayaan etika dan kompetensi pegawai di semua peringkat dalam organisasi memerlukan tindakan yang khusus. *Blue print* tindakan yang akan dilaksana membolehkan tindakan dan pemantauan tindakan secara konsisten. Penerapan integriti dan pembangunan kompetensi secara berterusan adalah faktor utama yang mendorong kepada pembudayaan integriti dalam organisasi secara keseluruhan.

STRATEGI 4

MENDAYA UPAYA PENYAMPAIAN PERKHIDMATAN

Peningkatan ekspektasi pelanggan dalam tempoh semasa adalah pada tahap yang tinggi terhadap semua bentuk perkhidmatan yang diberikan. Penyampaian perkhidmatan yang efektif merupakan cabaran yang perlu diterapkan. Digitalisasi dan globalisasi berkembang dengan pesat, tahap kemahiran dan kualiti perkhidmatan yang cemerlang bermula dari penerapan etika kerja yang sempurna.

“Kerajaan mengutamakan usaha-usaha untuk membanteras amalan rasuah dan salah guna kuasa.”


YAB TAN SRI DATO' HAJI MUHYIDDIN BIN HAJI MOHD. YASSIN
Perdana Menteri Malaysia

Sumber : Ucapan Sulung sebagai Perdana Menteri di hadapan Yang di Pertuan Agong, Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah, di Istana Negara 1 Mac 2020.




PERKARA 3: TADBIR URUS

Mekanisme Pelaksanaan
Mekanisme Penyelarasan dan Pemantauan




MEKANISME PELAKSANAAN

Jawatankuasa Pemantauan Pelan Antirasuah Organisasi Majlis Daerah Batu Gajah



MEKANISME PENYELARASAN DAN PEMANTAUAN



PERKARA 4: KESIMPULAN

41

Rumusan
Penghargaan
Terma dan Rujukan

Penerapan elemen *governance*, integriti dan antirasuah dalam pentadbiran di Majlis Daerah Batu Gajah adalah permulaan penting dalam memastikan gerak kerja khusus yang didokumenkan menerusi Pelan Anti Rasuah Organisasi (OACP) Majlis Daerah Batu Gajah 2021 – 2025. Penyediaan pelan tindakan dengan strategi yang realistik memastikan tindakan dapat dilaksana dengan efektif.

Kaedah pemantauan dan penilaian yang ringkas memudahkan input dan *outcome* tindakan yang akan dilaksana dianalisa. *Outcome* yang diperoleh wajar dijadikan indikator bagi mengenalpasti ruang-ruang penambahbaikan dan pelaksanaan amalan terbaik.

Penekanan kepada pembudayaan etika murni kepada warga Majlis Daerah Batu Gajah direalisasikan menerusi pelan tindakan yang dirangka seterusnya akan meningkatkan integriti secara keseluruhan.

Ucapan penghargaan dan terima kasih di atas kerjasama yang telah diberikan kepada Majlis Daerah Batu Gajah sepanjang tempoh penyediaan Pelan Anti Rasuah Organisasi (OACP) 2021 – 2025.

Pusat
Governans,
Integriti dan
Anti-Rasuah
Nasional
(GIACC)



National Centre for
Governance,
Integrity and
Anti-Corruption

"Malaysia akan lebih berintegriti, bukan kerana rasuah"

INTEGRITI
INSTITUT INTEGRITI MALAYSIA
The Malaysian Institute of Integrity

Institut Integriti
Malaysia (IIM)

Suruhanjaya
Pencegahan
Rasuah
Malaysia



Jawatankuasa
Induk Pelan
Anti Rasuah
Majlis Daerah
Batu Gajah
(OACP)

Kumpulan
Editor

- Puan Nurul Asyikin binti Najhib
- Puan Siti Noridayu binti Mohd Zain
- Puan Nor Hazahayani binti Mat Zain
- Cik Fakhirah Husna binti Mohamad Rosli
- Cik Fatin Hazwani binti Tarmidzi

PENGERUSI
Mohamad Razif bin Ramli, AMP
Yang Dipertua

PENGERUSI GANTI
Shahiri bin Tan
Setiausaha

URUS SETIA
Unit Integriti

AHLI-AHLI

JABATAN KHIDMAT PENGURUSAN
Encik Makhlis bin Othman

JABATAN KEJURUTERAAN
Cik Arliany Syazlin binti Arasad
Puan Amiziana binti Mohd Radi

JABATAN PERBENDAHARAAN
Cik Nur Marlia binti Suratman

JABATAN PERANCANG BANDAR DAN LANDSKAP
Encik Andri Arif
Encik Shahril Rizal bin Mohamed Nasir

JABATAN KESIHATAN AWAM DAN PERKHIDMATAN PERBANDARAN
Encik Mohd Faizal bin Azizi

JABATAN PENILAIAN DAN PENGURUSAN HARTA
Encik Azim bin Mohd Layan

JABATAN PENGUATKUASA
Cik Nurul Sofia binti Mohd Lasim

UNIT PUSAT SEHENTI
Encik Nahirul Nazeli bin Ismail

UNIT KORPORAT DAN PERHUBUNGAN AWAM
Encik Mohamad Shah Ridla bin Mohd Ismet

UNIT UNDANG-UNDANG
Puan Zailayati binti Lot

UNIT AUDIT DALAM
Puan Asmawati binti Alias

Higashi, R. S. (n.d.). Shaping Small Unit Ethics. Retrieved December 15, 2020, from <https://thesimonscenter.org/wp-content/uploads/2018/08/Special-Report-pg55-61.pdf>

Importance of Ethics in Public Service. (2020, September 14). Retrieved from <https://degree.astate.edu/articles/public-administration/ethics-in-public-service.aspx>

Pelan Anti Rasuah Organisasi – Majlis Perbandaran Manjung 2021-2025

Pelan Anti Rasuah Organisasi – Majlis Perbandaran Taiping 2020-2024

Pelan Anti Rasuah Organisasi – Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan 2020-2024

The Importance of Ethics in Public Service. (2019, June 02). Retrieved from <https://patimes.org/the-importance-of-ethics-in-public-service/>

Understanding ethical decision-making (Master's thesis, University of North Florida). (2017). *Public Manager of the Week*, 6-6.

WARGA MDBG MENOLAK

RASUAH



Kesalahan **RASUAH** di bawah Akta Suruhanjaya
Pencegahan Rasuah Malaysia 2009

MINTA ATAU TERIMA SUAPAN

TANAR ATAU BERI SUAPAN

SALAH GUNA JAWATAN / KEDUDUKAN / KUASA

TUNTUTAN PALSU

PELAN ANTIRASUAH ORGANISASI

ORGANISATIONAL ANTI-CORRUPTION PLAN (OACP)

2021 - 2025



MAJLIS DAERAH BATU GAJAH



Majlis Daerah Batu Gajah
Jalan Haji Abdul Wahab, 31000 Batu Gajah,
Perak Darul Ridzuan.

Tel: 05-363 2020
Faks: 05-366 5930
e-mel: pentadbiran@mdbg.gov.my
www.mdbg.gov.my